

Headline	Zed Zaidi bukti kebolehan urus persatuan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	28 Mar 2013	Language	Malay
Circulation	29,826	Readership	97,836
Section	Hiburan	Color	Full Color
Page No	4	ArticleSize	506 cm ²
AdValue	RM 2,607	PR Value	RM 7,821



Zed Zaidi bukti kebolehan urus persatuan

BELUM sampai setahun memegang pucuk pimpinan Persatuan Seniman Malaysia (Seniman), kredibiliti Zed Zaidi membawa persatuan itu ke tahap membanggakan wajar diberi pujian.

Jika selama ini ada mengangapnya hanya tahu 'pukul kanan' sana sini, namun tohmahan itu tidak tepat sama sekali.

Ini dibuktikan kejayaan pemilik nama sebenar, Rozaidi Abdul Jamil, 33, dalam beberapa perkara dipertahan demi membela kebajikan golongan pengamal industri yang selama ini tidak terbela.

Jika diteliti sebelum ini, Seniman hanyalah dikenali sebagai persatuan yang hanya menjaga kebajikan artis dan pentadbirannya dilihat sedikit lemah.

Namun kini, ahlinya mampu menarik nafas lega apabila Seniman lebih agresif dalam memperjuang serta mempertahankan hak artis tempatan.

Zed ditemui baru-baru ini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai perkembangan Seniman.

"Alhamdulillah, saya berbangga dengan pentadbiran Seniman. Apa yang saya usahakan selama ini, semakin menunjukkan maklum balas positif," katanya.

Tambahnya, walaupun bukan semua rancangan berjaya, namun dia dapat membawa beberapa perubahan dan mendapatkan kelulusan dari Kementerian. Beliau turut memuji ahli Seniman kerana sokongan mereka dalam menjayakan rancangan persatuan.

Mengulas perkembangan positif Seniman, beliau mengatakan persatuan itu baru sahaja melancarkan Tabung Wira Negara, yang berjaya mengutip lebih RM1,000 pada hari pertama pelancaran tabung itu.

"Dalam usaha mendapatkan sumbangan itu, Seniman akan mengadakan lima mini konsert amal *Malam Nurani Rakyat* di sekitar Selangor, dan

dijangkakan, lebih 30 artis akan menjayakan konsert itu. Program ini turut mendapat bantuan dan tajaan Pergerakan Pemuda Umno Selangor," ujarnya.

Berhubung misi bantuan di Lahad Datu, Zed berkata jika boleh, dia bersedia pergi ke sana dan melihat sendiri keadaan di situ.

"Sebagai anggota Pasukan Sukarelawan Malaysia (Rela), yang telah ditauliahkan pangkat Leftenan Kolonel (Kehormat), saya memang ingin ke sana dan meraih pengalaman. Namun, buat masa ini, saya masih sibuk dengan beberapa program Seniman. Pun begitu, saya telah terima pelawaan rasmi untuk menyertainya. Insya-ALLAH, dalam masa terdekat, saya akan sertai misi itu.

Ditanya tentang Skim Insurans Seniman, Zed mengaku itu merupakan kejayaannya yang paling besar sepanjang bergelar Presiden Seniman.

Katanya, menerusi Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), Kabinet meluluskan RM1.1 juta kepada ahli Seniman

bagi membiayai insurans kemalangan diri dan hayat berkelompok.

Zed menambah, selain itu, hasil kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), mereka akan mendapat perlindungan RM4,000 bagi golongan belakang tabir, RM3,000 untuk pelakon, penyanyi dan pelawak serta RM1,000 untuk golongan pelukis, penulis dan pengukir. Juga difahamkan, Ahli Jawatankuasa (AJK) telah ditubuh dan ia diberi secara langsung kepada penerima.

Tentang usul lain, Zed berkata ada banyak lagi usul yang akan dikemukakannya, termasuk mengubah dasar lapuk yang diamalkan selama ini yang dilihat menyebelahi satu pihak sahaja. "Saya akan pertahankan isu kemasukan artis luar yang selama ini membanjiri industri tem-

patan. Saya akan tetap dengan pendirian sebelum ini kerana kemasukan artis luar hanya memberi ancaman kepada industri kita," katanya.

Zed mengaku memang caranya agak agresif dan ada segelintir

pihak tidak suka dengan cara dia bekerja.

"Namun, saya buat semua ini bukan untuk saya seorang, ianya untuk industri kita. Saya belajar daripada pengalaman dan memerhati pimpinan terdahulu. Pemimpin terdahulu terlalu berlembut dan bertolak ansur sehinggakan kita hanya melopong. Kita tidak boleh terlalu mengalah kerana akan rosakkan industri dan kebajikan terabai. Namun, apa yang saya lihat, tindakan agresif ini lebih berkesan dan saya akan terus mendesak untuk peroleh apa industri mahukan."

Berhubung artis yang masih gagal menonjolkan contoh yang baik, Zed mencadangkan untuk menyediakan kursus latihan kepada ahli Seniman sebelum mendaftar.

"Dalam kursus itu, mereka akan mengetahui apa yang perlu dilakukan, apa yang perlu dijawab kepada media dan cara berpakaian.

"Namun, untuk melakukannya secara individu, memang sukar. Namun, saya berharap agar kursus ini dapat dilaksanakan untuk mengelak daripada perkara ini terus berlaku. Bagaimanapun, saya telah mengadakan perbincangan bersama Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk mengadakan kursus bahasa untuk berkomunikasi untuk golongan artis."

Mengenai industri masa kini, Zed mengaku sudah banyak perkembangan positif dicapai, namun ia masih belum cukup.

"Masih banyak perkara perlu diberi perhatian termasuk akta lapuk dalam menyeragamkan pentadbiran.

"Walaupun sibuk urus persatuan, saya jadi pemerhati dalam industri dan tidak lama lagi, saya akan tampil dengan buku sendiri

Headline	Zed Zaidi bukti kebolehan urus persatuan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	28 Mar 2013	Language	Malay
Circulation	29,826	Readership	97,836
Section	Hiburan	Color	Full Color
Page No	4	ArticleSize	506 cm ²
AdValue	RM 2,607	PR Value	RM 7,821

mengenai industri dari sudut pandangan saya. Namun, saya perlukan sokongan daripada

industri dan media. Tanpa mereka, saya tidak mungkin dapat

mengecap kejayaan demi kejayaan," katanya mengakhiri.



ZED (kiri) bersama Jawatankuasa Seniman ketika majlis pelancaran Tabung Perwira Lahad Datu.